

11 JAN 1997

Mahathir-Muhammad

JANGAN SUSAHKAN KERAJAAN DAN PARTI, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menasihati anggota kerajaan dan parti supaya jangan melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan masalah kepada kerajaan dan parti, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian sebagai merujuk kepada kes Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang didakwa di Mahkamah Brisbane, Australia pada 23 Dis lepas kerana tidak mengisytiharkan wang berjumlah kira-kira RM2.4 juta ketika hendak meninggalkan negara itu.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata MT telah mendengar penjelasan Muhammad dan membincangkan kes itu.

"Kita menasihatkan semua anggota kerajaan dan anggota parti supaya tidak membuat sesuatu secara sedar atau tidak sedar yang boleh menimbulkan masalah kepada parti walaupun kita menerima penjelasan yang telah dibuat oleh Tan Sri Muhammad Taib," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama lebih dua jam di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Muhammad ditahan di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Dis lepas. Kes itu akan didengar oleh Mahkamah Brisbane pada 21 Mac depan.

Mengenai kekalahan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Pulai Chondong, Dr Mahathir berkata MT berpendapat satu kajian perlu dibuat oleh Biro Penerangan parti yang diketuai Datuk Dr Mohd Yusof Nor.

Pada pilihan raya kecil 6 Jan itu, calon PAS, Zulkefli Mamat mendapat 4,778 undi untuk mengalahkan calon BN, Yusoff Hamzah dengan majoriti 118 undi.

Ketika mengulas kekalahan itu pada 7 Jan, Perdana Menteri berkata, kemenangan PAS menunjukkan rakyat Kelantan mahukan PAS tanpa mempedulikan soal pembangunan atau pentadbiran yang baik.

MT turut menyentuh soal kemasukan secara beramai-ramai anggota bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dibubarkan pada 6 Okt lepas.

Dr Mahathir berkata, mereka tidak boleh memohon untuk membuka cawangan baru di cawangan yang sedia ada tetapi boleh memohon kepada ibu pejabat parti untuk menentukan cawangan mana yang mereka ingin sertai.

"Ini telahpun ditetapkan di mana ada cawangan Umno, (bekas) anggota S46 hendaklah memasuki cawangan itu dan tidak menubuhkan cawangan-cawangan baru.

"Mereka boleh merujuk kepada cawangan sendiri ataupun jika mereka ingin, mereka boleh memberitahu kepada ibu pejabat untuk menentukan cawangan yang mereka boleh menjadi anggota di dalamnya," katanya.

Mengenai cadangan Jawatankuasa Pengurusan Umno untuk memperkenalkan kad keanggotaan di kalangan anggota parti, Dr Mahathir berkata, MT bersetuju dengan cadangan itu dan mengarahkan jawatankuasa berkenaan yang dipengerusikan Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya menguruskannya.

Pengenalan kad keanggotaan itu bagi mengelakkan berlaku pendaftaran bertindih, terutama di Sabah, kerana terdapat beberapa anggota menggunakan satu nombor kad pengenalan sahaja untuk mendaftarkan diri sebagai anggota.

MT turut bersetuju menggugurkan perkataan "Baru" di hujung nama "Umno" dan telahpun meminta Pendaftar Pertubuhan supaya berbuat demikian. Perkataan "Baru" telah digunakan ketika Umno didaftarkan semula selepas Umno asal diharamkan oleh mahkamah pada 1988.

Dr Mahathir berkata, Perhimpunan Agung Umno tahun ini akan diadakan

dari 3 hingga 7 Sept.

Pada 3 Sept, MT akan mengadakan mesyuarat pra-perhimpunan, diikuti Persidangan Perwakilan Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 4 Sept manakala dari 5 hingga 7 Sept adalah tarikh perhimpunan agung, katanya.

Terdahulu, seorang anggota MT yang dipilih dan dua yang dilantik mengangkat sumpah jawatan.

Mereka ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail (dipilih) serta anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir dan Senator Datuk Ibrahim Ali.

Ketiga-tiga mereka tidak hadir pada mesyuarat pertama MT 28 Nov lepas selepas Perhimpunan Agung Umno pada bulan Oktober. -- BERNAMA.

AH PR